

Pemimpin Asia Timur perlu komited: Abdullah

Tangani masalah kemiskinan, keharmonian tanggungjawab serantau

Oleh Amirullah Andi Nur

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Asia Timur berupaya melakukan lebih banyak kejayaan sekiranya semua pihak sedia meningkatkan komitmen dan kesungguhan terutama dari segi politik.

Perdana Menteri berkata, tahun lalu beliau menyentuh mengenai perkara itu, tetapi malangnya tidak banyak yang dilakukan termasuk ke arah mencipta suasana aman, selamat dan makmur menerusi pelbagai peluang dan sumber yang ada.

Malah, katanya, ada sesetengah pihak sanggup membenarkan diri mereka menjadi mangsa kepada perbuatan sendiri menerusi hubungan dengan pihak luar.

"Mudah bagi semua untuk menyalahkan pihak lain. Kita berasa bimbang mengenai ancaman, tetapi pada masa sama masih menyemai kepercayaan selari dengan perasaan bimbang ini, biarpun tidak mengambil kira realiti dan fakta.

"Kita juga mudah dipengaruhi dan dimanipulasi oleh mereka yang menganggap diri tidak mendapat faedah daripada perpaduan serantau," katanya berucap merasmikan Kongres Asia Timur kelima di sini, semalam.

Program selama dua hari itu anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia itu disertai kira-kira 100 peserta. Hadir sama Pengerusi merangkap Ketua Pegawai Eksekutif ISIS Malaysia, Datuk Seri Mohamed Jawhar Hassan.


Abdullah berkata, proses membangunkan masyarakat Asia Timur bakal melalui tempoh panjang kerana wujudnya persaingan serantau, selain permusuhan masa lampau sesama pihak terbabit.

Katanya, keadaan itu diburukkan lagi dengan kewujudan golongan pengkritik dalaman dan luar rantau yang memperlekehkan konsep berkenaan di samping ada perasaan syak dan iri hati antara anggota Asean.

"Proses membangunkan masyarakat Asia Timur sudah pasti akan mengambil masa lebih lama kerana rantau ini lebih luas dan mempunyai pelbagai sifat. Tidak menghairankan jika masyarakat yang bakal dilahirkan ini menjadi lemah.

"Kunci sama ada di Asean atau di Asia Timur yang lebih luas adalah menerusi keazaman politik dan memupuk semangat identiti yang satu serta nilai dan aspirasi sama," katanya.

Dalam ucapannya itu, Abdullah



SIDANG SERANTAU: Abdullah berkata sesuatu kepada Mohamed Jawhar ketika Kongres Asia Timur kelima di Kuala Lumpur, semalam.

berkata, Asia Timur dan Asean berupaya menjalin hubungan kerjasama mantap melalui pemimpin yang berwawasan dan bersemangat tinggi.

"Sekiranya kita mampu merapatkan hubungan dan bekerjasama bersama keinginan tinggi untuk mencapai matlamat sama, maka tidak ada yang mustahil untuk dikecapi.

"Sekiranya mereka membebaskan diri daripada memori lama, bekerja untuk pihak lain dan sekali gus mewujudkan satu hubungan baru, sudah tentu prospek bagi bekerjasama dan membentuk masyarakat mantap akan menjadi lebih cerah," katanya.

Mengenai Asean + 3, Abdullah berkata, satu matlamat jangka panjang perlu dibentuk bagi mewujudkan masyarakat Asia Timur yang terbuka sekali gus menjadi landasan utama bagi pembinaannya pada masa depan.

Beliau berkata, proses pembinaan rantau berkenaan bukan semata-mata mengenai kerjasama, sebaliknya membabitkan urusan membangunkan masyarakat yang sekali gus membezakannya dengan proses ker-

“ Sekiranya mereka membebaskan diri daripada memori lama, bekerja untuk pihak lain dan sekali gus mewujudkan satu hubungan baru, sudah tentu prospek bagi bekerjasama dan membentuk masyarakat mantap akan menjadi lebih cerah”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

jasama lain di rantau Asia Pasifik yang lebih luas.

"Asean akan terus menjadi pemacu proses Asean + 3 dan ini bukan saja kehendak Asean tetapi juga negara + 3 ini," katanya yang merujuk kepada Jepun, Korea dan China.

Abdullah berkata, dalam tempoh 10 tahun akan datang, Asean + 3 perlu meningkatkan sumbangannya kerana ia perlu terbabit dalam kerjasama pelbagai bidang.

Beliau berkata, bukan hanya demokrasi dan hak politik yang menjadi tumpuan proses Asean + 3 atau Asean tetapi isu seperti keamanan dan keharmonian sesama negara, kebebasan daripada kemiskinan dan penyakit, pekerjaan, taraf kehidupan yang baik serta penjagaan alam sekitar juga diutamakan.

Perdana Menteri turut merakamkan ucapan tahniah kepada bakal Setiausaha Agung Asean yang baru Surin Abdul Halim Pitsuwan menggantikan Ong Keng Yong yang tamat tempoh perkhidmatan. Beliau sebelum ini adalah bekas Menteri Luar Thailand.